

# **GARIS PANDUAN PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI KERAJAAN NEGERI MELAKA TAHUN 2022**

---

**GARIS PANDUAN  
PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI KERAJAAN NEGERI MELAKA  
TAHUN 2022**

**1. TUJUAN GARIS PANDUAN**

Garis panduan ini bertujuan membantu Kerajaan Negeri/ Jabatan Negeri / Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka mengemukakan permohonan untuk menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Melaka (AIKN) bagi Tahun 2022 dengan menggariskan syarat kelayakan, tatacara permohonan, format laporan anugerah, proses dan kriteria penilaian.

**2. PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI KERAJAAN NEGERI MELAKA  
TAHUN 2022**

**2.1 PENGENALAN**

Diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan terhadap inovasi yang dihasilkan oleh agensi kerajaan bagi membudayakan inovasi di dalam sektor awam.

**2.2 DEFINISI INOVASI**

Inovasi adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Pelaksanaan idea-idea ini akhirnya dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan serta faedah kepada pelanggan. Idea-idea ini boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem, prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi.

## 2.3 OBJEKTIF ANUGERAH

Pertandingan AIKN diwujudkan bertujuan untuk:

- i) Memberi pengiktirafan secara formal kepada hasil inovasi yang diperkenalkan oleh warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka;
- ii) Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara kerja yang diamalkan oleh warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka;
- iii) Memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah semua warga Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka; dan
- iv) Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

## 2.4 KATEGORI PERTANDINGAN AIKN 2022

Pertandingan AIKN Tahun 2022 dibahagikan kepada 5 kategori iaitu:

**i) Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Melaka – Kategori ICT : Penciptaan Baru**

Penghasilan inovasi yang melibatkan ICT dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti Jabatan / Agensi di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka. Inovasi yang dihasilkan adalah merupakan penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses yang baharu menggunakan ICT dan belum dilaksanakan di mana-mana Jabatan / Agensi di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka.

**ii) Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Melaka – Kategori ICT : Penambahbaikan**

Inovasi Penambahbaikan merupakan penambahbaikan perkhidmatan atau proses sedia ada sesuatu produk inovasi ICT

melalui kaedah yang inovatif agar menjadi lebih berkualiti serta berdaya saing.

**iii) Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Melaka – Kategori Bukan ICT : Penciptaan Baru**

Penghasilan inovasi dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti Jabatan / Agensi di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka. Inovasi yang dihasilkan adalah merupakan penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses yang baharu yang tidak menggunakan ICT dan belum dilaksanakan di mana-mana Jabatan / Agensi di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka.

**iv) Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Melaka – Kategori Bukan ICT : Penambahbaikan**

Inovasi Penambahbaikan merupakan penambahbaikan perkhidmatan atau proses sedia ada sesuatu produk inovasi bukan ICT melalui kaedah yang inovatif agar menjadi lebih berkualiti serta berdaya saing.

**v) Anugerah Inovasi Ketua Menteri Melaka (AIKM)**

Projek Inovasi yang menyumbang kepada penghasilan ekonomi negara berpendapatan tinggi, signifikan dan berimpak tinggi di peringkat Negeri Melaka akan di nobatkan sebagai Anugerah Inovasi Ketua Menteri Melaka (AIKM).

## **2.5 HADIAH PEMENANG ANUGERAH INOVASI**

Hadiah bagi setiap kategori anugerah adalah seperti berikut (**tertakluk pada pindaan**):-

Bil.	Kategori	Hadiah
1.	Johan setiap kategori	Wang Tunai RM 5,000.00, Piala Iringan dan Sijil
2.	Naib Johan setiap kategori	Wang Tunai RM 3,000.00, Piala Iringan dan Sijil
3.	Tempat Ketiga setiap kategori	Wang Tunai RM 2,000.00, Piala Iringan dan Sijil
4.	Pemenang AIKM	Wang Tunai RM10,000.00, Piala Iringan dan Sijil

Bagi projek yang tidak memenangi sebarang anugerah, sijil penghargaan akan diberikan.

## 2.6 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

**Syarat kelayakan menyertai Pertandingan AIKN seperti berikut :-**

- i) Pertandingan AIKN Tahun 2022 adalah terbuka kepada semua agensi **Kerajaan Negeri / Jabatan Negeri/ Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka** layak memohon dan dipertimbangkan.
- ii) Inovasi yang dihasilkan hendaklah asli dan ciptaan secara **BERKUMPULAN** yang dibangunkan oleh warga Jabatan / Agensi sendiri.
- iii) Penyertaan kumpulan yang sama adalah dihadkan kepada **tiga (3) projek inovasi berlainan** sahaja.
- iv) Penyertaan adalah dibuka kepada semua produk / hasil inovasi yang **dihadarkan dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir (2019 – 2022)** termasuk yang telah dikomersialkan.

- v) Penggunaan sebarang perisian adalah dibenarkan tetapi ia tertakluk kepada undang-undang berkaitan perkomputeran sedia ada yang terpakai.
- vi) Kriteria penilaian pelaksanaan projek inovasi untuk Pertandingan AIKN 2022 adalah seperti di **Lampiran 1**.
- vii) Setiap permohonan penyertaan Pertandingan AIKN perlu mengemukakan Borang Penyertaan seperti di **Lampiran 2**. Borang penyertaan ini perlu dikembalikan kepada Urus Setia Anugerah Inovasi Tahun 2022 (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka) sebelum atau pada tarikh yang telah ditetapkan.
- viii) Peserta perlu menyediakan dokumen berkaitan produk / hasil inovasi meliputi perkara-perkara seperti di **Lampiran 3**.
- ix) Di samping itu, bagi melengkapkan tata cara penyertaan peserta juga dikehendaki untuk menyediakan dan menghantar **video penerangan / persempahan / demonstrasi produk** dengan kriteria seperti berikut :-
  - a) Video hendaklah berdurasi 05 - 10 minit dalam format .mpg, .wmv, .mp4, .mpeg atau .avi dengan kandungan yang menjelaskan ciri-ciri, fungsi dan lain-lain yang berkaitan dengan projek inovasi;
  - b) Video yang dihasilkan tidak mengandungi unsur yang dianggap sensitif merangkumi penggunaan logo, gambar atau perkataan yang tidak sopan dan menyentuh sensitiviti kaum, budaya dan agama;
  - c) Peserta bebas untuk menyediakan video mengikut kreativiti masing- masing. Walau bagaimanapun, pastikan video berkenaan adalah jelas dan terang dari segi suara serta

- input yang ingin ditonjolkan. Suara atau penceritaan projek daripada peserta diperlukan bagi memudahkan panel membuat penilaian dan memberi komen penambahbaikan; dan
- d) Video hendaklah dihantar bersekali dengan *softcopy* dokumentasi dalam bentuk CD / *Pendrive* kepada pihak urusetia.
  - x) Projek inovasi yang dipertandingkan perlu bersedia untuk menerima lawatan panel penilai dalam peringkat saringan. Permohonan yang berjaya melepas proses senarai pendek juga perlu bersedia dijemput untuk membuat pameran / persempahan di mana-mana **Program Inovasi anjuran Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka**.
  - xi) Jabatan / Agensi bersedia untuk **berkongsi idea inovasi** dengan Jabatan / Agensi lain sekiranya terpilih sebagai pemenang.
  - xii) Keputusan Panel Penilai / Juri / Hakim adalah **MUKTAMAD** dan sebarang bantahan adalah tidak dibenarkan.

## 2.7 PROSES PENILAIAN

Proses penilaian dan pemilihan dijalankan melalui empat peringkat seperti berikut:

### i) Peringkat Pertama

Urus Setia akan membuat semakan awal bagi memastikan laporan yang dihantar adalah lengkap dan memenuhi syarat.

### ii) Peringkat Kedua

Panel Penilai akan membuat penilaian ke atas dokumentasi serta video yang diterima dan mengesyorkan senarai pendek Jabatan / Agensi yang layak untuk peringkat seterusnya.

**iii) Peringkat Ketiga**

**Pilihan A**

- Lawatan akan dibuat ke lokasi bagi meneliti dengan lebih mendalam aspek-aspek berkaitan (jika perlu).
- Panel Penilai akan membuat penilaian dan menentukan produk / hasil inovasi terbaik mengikut kategori- kategori yang dipertandingkan.
- Setiap kumpulan akhir diwajibkan membuat persempahan / demonstrasi produk kepada Panel Penilai dan bersedia menjawab semua pertanyaan dan soalan yang dikemukakan dan memberikan sebarang maklum balas yang diperlukan. Setiap kumpulan akan diberikan masa selama 10 minit untuk melaksanakan sesi persempahan / demonstrasi produk.

**Pilihan B**

Semua penyertaan akan dinilai melalui dokumentasi dan video penerangan / persempahan / demonstrasi produk atau secara atas talian yang akan diberitahu kelak. Penilaian berdasarkan kepada skema pemarkahan yang telah disediakan.

**(Pilihan A atau Pilihan B akan ditentukan tertakluk kepada situasi dan perubahan dari semasa ke semasa)**

**iv) Peringkat Keempat**

Senarai pemenang yang layak akan diperakuan oleh Panel Penilai dan akan dibentangkan untuk keputusan muktamad.

## **2.8 TATACARA PEMILIHAN**

Jadual pelaksanaan Pertandingan AIKN Tahun 2022 adalah seperti berikut:

i) Tarikh tutup permohonan:

**11 Februari 2022 (Jumaat)**

ii) Peringkat saringan (Jika ada):

**Akan dimaklumkan**

iii) Pengumuman Pemenang Pertandingan Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2022:

**Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Melaka Tahun 2022 (Tarikh majlis akan dimaklumkan kemudian)**

## **2.9 TATACARA PERMOHONAN**

**Jabatan/Agensi yang ingin menyertai Pertandingan AIKN 2022 perlu menyempurnakan tindakan-tindakan berikut :**

- i) Setiap penyertaan perlu menggunakan borang rasmi seperti di **LAMPIRAN 2** yang boleh didapati di :-
  1. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka.
  2. Laman sesawang Portal Melaka di [www.melaka.gov.my](http://www.melaka.gov.my)
- ii) Menyediakan **lima (5) salinan** Laporan Pertandingan AIKN 2022 bersama **softcopy** berdasarkan format di **Lampiran 3** berserta video penerangan.
- iii) Mengisi **senarai semak penyertaan** Pertandingan AIKN 2022 seperti di **Lampiran 4**.
- iv) Mengemukakan borang permohonan Pertandingan AIKN 2022 bersama Laporan Pertandingan AIKN 2022 sebelum atau pada tarikh tutup penyertaan kepada :

Urus Setia  
Pertandingan Anugerah Inovasi Kerajaan  
Negeri Melaka Tahun 2022  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Jabatan Ketua Menteri Melaka  
Aras 1, Blok Bentara  
Kompleks Seri Negeri, Ayer Keroh  
**75450, MELAKA**

**LAMPIRAN 1**

**KRITERIA PENILAIAN PROJEK INOVASI BAGI  
PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI KERAJAAN NEGERI MELAKA  
TAHUN 2022**

Tajuk Inovasi : \_\_\_\_\_

Nama Perekta Cipta / \_\_\_\_\_  
Jabatan /Agensi \_\_\_\_\_

Tumpuan Penilaian	Kriteria	Markah Penuh
Idea	<b>1. Kreativiti (22 markah)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Keaslian; atau (12)</li> <li>b) Adaptasi (10)</li> </ul>	/12 /10
Hasil Inovasi ( <i>Output</i> )	<b>2. Tahap Pelaksanaan (10 markah)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Secara penuh (melepas peringkat percubaan); atau (5)</li> <li>b) Percubaan (di peringkat prototaip) (5)</li> </ul>	/5 /5
	<b>3. Replicability (10 markah)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Boleh dilaksanakan terus di pelbagai tempat; atau (5)</li> <li>b) Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi (5)</li> </ul>	/5 /5
Impak ( <i>Outcome</i> )	<b>4. Efisien (Kecekapan) (20 markah)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Jimat masa (5)</li> <li>b) Jimat kos (5)</li> <li>c) Tingkatkan produktiviti (5)</li> <li>d) Mudah digunakan (<i>user-friendly</i>)(5)</li> </ul>	/5 /5 /5 /5

Tumpuan Penilaian	Kriteria	Markah Penuh
<b>Impak (Outcome)</b>	<b>5. Signifikan (20 markah)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Tinggi (impak kepada Perkhidmatan Awam; atau (10)</li> <li>b) Sederhana (impak kepada organisasi); atau (5)</li> <li>c) Rendah (impak kepada Bahagian / Unit) (5)</li> </ul>	/10 /5 /5
<b>Pengurusan</b>	<b>6. Komitmen (5 markah)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Sumber kewangan (1)</li> <li>b) Sumber manusia (1)</li> <li>c) Insentif (1)</li> <li>d) Penghargaan (1)</li> <li>e) Peralatan (1)</li> </ul>	/1 /1 /1 /1 /1
<b>Persembahan</b>	<b>7. Persembahan (5 markah)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Teknikal (1)</li> <li>b) Penggunaan visual yang berkesan (2)</li> <li>c) Penerangan yang berkesan (2)</li> </ul>	/1 /2 /2
<b>Kolaborasi</b>	<b>8. Kerjasama / Hybrid (3 markah)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bahagian / Unit (1)</li> <li>b) Agensi Kerajaan / Agensi Swasta / NGO (2)</li> </ul>	/1 /2
<b>Laporan Dokumentasi</b>	<b>9. Laporan (5 markah)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Menepati syarat pelaporan (5)</li> </ul>	/5
<b>JUMLAH KESELURUHAN (100 Markah)</b>		<b>/100</b>

**LAMPIRAN 2**

**BORANG PENYERTAAN  
PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI KERAJAAN  
NEGERI MELAKA TAHUN 2022**

<b>1. TAJUK PROJEK :</b>		
<b>2. BUTIRAN PEMOHON</b>		
<b>Kategori</b>	ICT : Penciptaan Baru (      )	Bukan ICT : Penciptaan Baru (      )
	ICT : Penambahbaikan (      )	Bukan ICT : Penambahbaikan (      )
	<b>Nama</b>	
<b>Kumpulan</b>		

**3. Kluster :**

- |   |  |  |
|---|--|--|
| <input type="checkbox"/> Kewangan & Perolehan                   | <input type="checkbox"/> Peraturan<br>Dan Kawal Selia        | <input type="checkbox"/> Penyampaian<br>Perkhidmatan |
| <input type="checkbox"/> Pengurusan Sumber<br>Manusia           | <input type="checkbox"/> Pengurusan<br>Pelanggan             | <input type="checkbox"/> Proses &<br>Prosedur        |
| <input type="checkbox"/> Pendidikan                             | <input type="checkbox"/> Pengurusan<br>Projek                | <input type="checkbox"/> Perkhidmatan<br>Sosial      |
| <input type="checkbox"/> Imej dan<br>Penjenamaan                | <input type="checkbox"/> Pengurusan<br>ICT                   | <input type="checkbox"/> Integrasi<br>Perkhidmatan   |
| <input type="checkbox"/> Pengurusan Prestasi &<br>Pengiktirafan | <input type="checkbox"/> Teknologi,<br>Produk &<br>Peralatan | <input type="checkbox"/> Seni & Kraf                 |
| <input type="checkbox"/> Pengurusan Kerajaan<br>Tempatan/Daerah | <input type="checkbox"/> Kesihatan                           | <input type="checkbox"/> Keselamatan                 |
| <input type="checkbox"/> Pengurusan Pejabat<br>/Organisasi      | <input type="checkbox"/> Perkhidmatan<br>Teknikal            | <input type="checkbox"/> Lain-lain                   |

**4. Punca Idea:**

- Kump. Inovatif &  Pengurusan  
Kreatif (KIK)  Atasan Agensi  Jawatankuasa  Lain-lain  
 Pemandu Inovasi   
 Orang Awam / Pelanggan

**5. Status:**

- Telah mohon  Menerima sijil  Tidak memohon  
harta intelek  harta intelek  harta intelek

**6. Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi**

Nama :  
Jawatan :  
Alamat :  
No. Tel (Pejabat) : No. Tel. Bimbit :  
Emel : No. Faks :

---

Tandatangan Ketua Agensi

Nama :  
Tarikh :

Cap Jabatan:

- \* Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi pihak urusetia Pertandingan AIKN Tahun 2022 di talian **06-230 7337 / 7343**.
- \* Mohon faks atau email **Borang Penyertaan** di talian **06-2315142 / rohana.alias@melaka.gov.my** dan menghantar dokumen yang lengkap sebelum/pada 11 Februari 2022 (Jumaat)

**FORMAT PENULISAN LAPORAN  
PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI KERAJAAN NEGERI MELAKA  
TAHUN 2022**

**1. PENGENALAN**

a) Penerangan mengenai Jabatan / Agensi

- Latar belakang dan peranan Jabatan / Agensi
- Piagam pelanggan berkaitan projek inovasi
- Objektif
- Maklumat lain yang berkaitan

b) Pengenalan mengenai inovasi

- Tujuan Projek Inovasi
- Objektif Projek/Inovasi Sosial
- Proses pelaksanaan inovasi (Nyatakan dibuat *in-house* atau *out-source*)
- Tempoh pelaksanaan
- Peringkat Pelaksaan
- Implikasi Kewangan (Jika Ada)
- Kaedah Pencetusan Idea
  - i. Pengurusan atasan;
  - ii. Pengurusan atasan dan warga kerja;
  - iii. Pengurusan atasan dan pelanggan;
  - iv. Warga kerja dan pelanggan
- Elemen Kolaborasi (Jika Ada)
- Kategori Inovasi
- Indikator Inovasi
- Input Pelanggan diambil kira dalam peringkat penghasilan inovasi
  - i. Peringkat Akhir
  - ii. Peringkat Pertengahan
  - iii. Permulaan
  - iv. Semua peringkat
- Mekanisme Maklum balas Pelanggan (*facebook, twitter, whatsapp, myspace, flickr, e-mail, forum* dan lain-lain)

**2. IMPAK SEBELUM DAN SELEPAS INOVASI DIHASILKAN**

Perbandingan mengenai kaedah/sistem yang digunakan masalah-masalah yang dihadapi, carta alir kerja sebelum dan selepas inovasi dihasilkan dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan. Perlu disokong oleh data, gambar atau bukti lain yang jelas.

### 3. IMPAK INOVASI

- i. Agensi/Jabatan
- ii. Perkhidmatan Awam
- iii. Rakyat/Perniagaan
- iv. Kumpulan Sasar

### 4. ELEMEN INOVASI

- i) Inovatif/Kreativiti
  - a. Penciptaan nilai/ elemen baru / tambahbaik
  - b. Elemen mempermudahkan / penyelesaian masalah
  - c. Lain-lain berkaitan
- ii) Keberkesanan
  - a. Gambaran faedah nyata diperolehi
  - b. Peningkatan produktiviti/ kepuasan
  - c. Penjanaan pendapatan (sekiranya berkaitan)
- iii) Signifikan
  - a. Bagaimana perkhidmatan boleh mesra pelanggan
  - b. Penjimatan masa / kos / sumber manusia / mudah digunakan / tingkat produktiviti
  - c. Sejauh mana ianya memenuhi objektif inisiatif ini diambil kepada perkhidmatan awam / organisasi / jabatan / unit
- iv) Relevan
  - a. Sumbangan kepada agenda organisasi/nasional
  - b. Sumbangan kepada pembentukan ekonomi nilai tinggi
  - c. Penjimatan hasil yang ketara
  - d. Penjanaan hasil yang ketara

\* Perlu disokong oleh data, gambar atau bukti lain yang jelas.

### 5. PENGIFTIRAFAN DITERIMA (Sekira Ada)

- Peringkat Jabatan/Agenzi
- Peringkat Negeri
- Peringkat Kebangsaan
- Peringkat Antarabangsa

### 6. PENUTUP

Rumusan terhadap laporan

**Disediakan oleh :**

Nama Pegawai/Unit Terlibat :

No. Telefon Pejabat :

No. Telefon Bimbit :

Emel :

Tarikh :

**Disahkan oleh :**

Nama Pegawai :

Jawatan :

Emel :

Tarikh :

Cap Jabatan

**LAMPIRAN 4**

**SENARAI SEMAK PENYERTAAN  
PERTANDINGAN AIKN TAHUN 2022**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa perkara-perkara tersebut telah dipatuhi dalam mengemukakan borang penyertaan Pertandingan AIKN 2022.

(Sila tandakan  / ) :-

Menyertakan **Borang Penyertaan Pertandingan AIKN 2022** seperti di **Lampiran 2**;

Menyertakan **lima (5) salinan Laporan Pertandingan AIKN 2022** berdasarkan format di **Lampiran 3** dalam bentuk hardcopy;

Menyertakan **salinan softcopy Laporan Pertandingan AIKN 2022 berserta video penerangan**; dan

Menghantar **Borang Penyertaan dan Laporan Pertandingan AIKN 2022 sebelum tarikh akhir penyertaan**.

PENGESAHAN PENYERTAAN	KEGUNAAN URUSETIA				
<p><b>Tandatangan :</b> <b>Nama :</b> <b>Jawatan :</b> <b>Tarikh :</b> <b>Cap Jabatan :</b></p>	<p><b>Tarikh Terima :</b> <b>Tandatangan Penerima :</b> <b>Nama :</b> <b>Kategori penyertaan :</b></p> <table border="1"><tr><td>ICT : Penciptaan Baru</td></tr><tr><td>ICT : Penambahbaikan</td></tr><tr><td>Bukan ICT : Penciptaan Baru</td></tr><tr><td>Bukan ICT : Penambahbaikan</td></tr></table>	ICT : Penciptaan Baru	ICT : Penambahbaikan	Bukan ICT : Penciptaan Baru	Bukan ICT : Penambahbaikan
ICT : Penciptaan Baru					
ICT : Penambahbaikan					
Bukan ICT : Penciptaan Baru					
Bukan ICT : Penambahbaikan					